
**PERUTUSAN
YB DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ. NASARAH
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

“GLOBAL SURVEYORS’ DAY”

Sambutan *Global Surveyors’ Day* (GSD) merupakan acara tahunan yang disambut pada 21 Mac setiap tahun untuk memperingati jasa dan menghargai sumbangan komuniti Juruukur di seluruh dunia.

Tema sambutan GSD di Malaysia pada tahun ini ialah “*Surveyors As Geospatial Frontliners: Pandemic-proofing Our Profession*”. Tema ini dipilih bagi menekankan peranan Juruukur dalam penyediaan data geospasial dan analisa dalam data geospasial yang menyumbang ke arah pembangunan ekonomi dan kesejahteraan negara. Keperluan maklumat geospasial yang tepat dan berintegriti menjadi satu elemen yang penting dalam menghasilkan satu keputusan yang efisien dan efektif. Maklumat geospasial menjadi satu perkara penting yang digunapakai di semua peringkat agensi Kerajaan dan agensi swasta untuk tujuan masing-masing.

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) merupakan satu-satunya agensi Kerajaan yang berperanan dalam membekalkan data-data geospasial, menjalankan pengukuran hakmilik, ukur geodetik, aktiviti pemetaan, persempadanan negara dan maritim, dan membantu dalam menjaga keselamatan dan kedaulatan negara.

Juruukur menjadi penggerak dan pemacu utama kepada pembangunan ekonomi negara bagi menjayakan Agenda 2030 Matlamat pembangunan Mampan (SDGs) dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB). Dalam konteks perubahan dunia kini, kesedaran keperluan maklumat geospasial semakin meningkat dan kepakaran Juruukur amat diperlukan dalam pengumpulan maklumat geospasial yang tepat dan berkejituan tinggi. Kewujudan dan ketersediaan pelbagai teknologi baru di era Ekonomi Digital dan Revolusi Industri 4.0 membuka peluang kepada Juruukur untuk mengeksplorasi dan menerokai teknologi–teknologi terkini dalam aktiviti ukur,

pemetaan dan geospasial seperti *Global Navigation Satellite System* (GNSS), *Unmanned Aircraft Systems* (UAS) atau dron dan *Mobile Mapping* dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti kepada produk yang dihasilkan.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli menerusi JUPEM untuk menambahbaik penyampaian perkhidmatan kepada rakyat terutamanya dalam mengaplikasikan teknologi dan maklumat geospasial untuk keselamatan dan kedaulatan negara seperti pembangunan *dashboard* dan maklumat geospasial bagi kegunaan OPS Benteng oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM); khidmat kepakaran teknikal dalam Kumpulan Jawatankuasa Strategik Pengurusan Pandemik bersama-sama Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia dan penghasilan buku Peraturan Tetap Operasi (PTO) bagi pengurusan maklumat geospasial dalam pengurusan 10 jenis bencana.

Sempena GSD 2021, tahniah saya ucapkan kepada JUPEM di atas pengiktirafan *Malaysia Book of Records* (MBR) bagi "*Most Number Of Surveyors In A Sun Observation For Direction Determination In Multiple Locations*" yang disertai seramai 184 pengukur di 184 lokasi di Malaysia dan inisiatif "*Longest Topography Map*" di Malaysia yang berukuran 8.04 meter. Kejayaan ini merupakan inisiatif JUPEM dalam mempromosikan aktiviti Juruukur di Malaysia.

Justeru itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Juruukur di seluruh negara.

Selamat Menyambut *Global Surveyors' Day* Tahun 2021.

**YB DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ. NASARAH
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

22 MAC 2021

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



[ketsa.malaysia](https://www.instagram.com/ketsa.malaysia)



KeTSAMalaysia